

# PERSEPSI KENDIRI PELAJAR ANTARABANGSA UKM DI LUAR NEGARA TERHADAP KESEJAHTERAAN SEMASA SESI PEMBELAJARAN PASCA PANDEMIK

(*UKM International Students' Self-Perception towards Well-Being during Post-Pandemic Learning Sessions*)

AMIRUL MUKMININ MOHAMAD, NURUL ATIQAH MD. SUHADA\*, MOHD HAFISZUDIN MOHD. AMIN & SARAH MOHAMAD YUNUS

## ABSTRAK

*Mod pembelajaran dalam talian yang diamalkan oleh sistem pendidikan di negara ini selaras dengan pandemik yang melanda menyebabkan pelajar mengikuti pengajian di UKM secara jarak jauh, termasuklah pelajar antarabangsa UKM yang perlu mengikuti sesi pembelajaran dari lokasi di luar Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas pelajar antarabangsa UKM di dalam atau di luar Malaysia tentang tahap kestabilan internet mereka semasa sesi pembelajaran dalam talian, tahap keselesaan pembelajaran mereka serta lokasi pilihan mereka untuk meneruskan sesi pengajian. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang dijalankan ke atas 348 orang pelajar antarabangsa UKM dari pelbagai fakulti serta bidang pengajian yang mengikuti kursus bahasa di Pusat Pengajian Citra UKM. Kutipan data dilakukan melalui borang soal-selidik yang diedarkan secara dalam talian melalui aplikasi Google Form. Hasil analisis data kajian berdasarkan maklum balas pelajar menunjukkan bahawa talian internet pelajar di lokaliti masing-masing berada pada tahap kuat dan stabil. Lebih 80% responden memilih skala positif (Sangat Setuju dan Setuju) untuk kebanyakan pernyataan yang berhubung keselesaan pembelajaran. Peratusan positif yang tinggi terhadap tahap kesejahteraan pelajar ini selari dengan dapatan kajian yang menunjukkan 80% responden memilih untuk kekal di lokaliti negara asal sementara 20% memilih untuk meneruskan pengajian di Malaysia sehingga tamat. Secara kesimpulannya, para pelajar antarabangsa UKM memberikan maklum balas yang positif tentang situasi keberadaan mereka di lokasi luar Malaysia sama ada daripada kemudahan internet mahupun tahap keselesaan ketika mengikuti pembelajaran. Oleh itu, pihak UKM dan institusi pengajian lain disarankan untuk merangka pelan pengajaran dan pembelajaran yang mapan bersesuaian dengan maklum balas yang diperoleh ini.*

**Kata Kunci:** Pelajar Antarabangsa; Pembelajaran dalam Talian; Pembelajaran Pascapandemik; Kesejahteraan Pelajar; Pembelajaran Jarak Jauh

## ABSTRACT

*The implementation of online learning in the country due to the pandemic has resulted in remote learning for the students in Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). This includes international students who need to attend learning sessions from locations outside Malaysia. This study aims to get feedback from the international students within or outside Malaysia on the stability of their internet, the comfort level attending online classes, and location preference to continue their study sessions after pandemic. Hence, a survey was conducted on 348 international students from various faculties and fields of study who were enrolled in language*

*courses offered by the School of Liberal Studies (CITRA UKM). The survey was conducted via online questionnaires through the Google Form application. The results obtained shows that the students' internet connections in their respective localities were strong and stable. More than 80% of the respondents also chose a positive scale (Very Agree and Agree) for most statements related to learning comfort. This high percentage towards the students' level of wellbeing is parallel with the respondents' decision to remain in the locality of their home country, while the remaining 20% chose to continue their studies in Malaysia until graduation. In conclusion, UKM's international students provide positive feedback on their learning situation abroad either in terms of internet facilities or learning comfort. Hence, the study recommends UKM and other educational institutions alike to draft a sustainable teaching and learning plan in line with the feedback received from this study.*

**Keywords:** International Student; Online Learning; Post-pandemic Learning; Student's Wellbeing; Remote Learning

## PENGENALAN

Perkembangan teknologi semasa menjadikan platform dalam talian sebagai medium pembelajaran popular dalam kalangan pelajar (Jandric 2020), bersesuaian dengan gelombang perubahan dalam pendidikan yang dicetuskan oleh situasi Covid-19 yang melanda dunia. Kewujudan teknologi jarak jauh seperti sistem pengurusan pembelajaran (LMS) serta aplikasi video telesidang seperti *Zoom*, *Google Meet* dan *Microsoft Teams* telah memberi manfaat kepada para pelajar di institusi pengajian tinggi sama ada pelajar tempatan yang berada di dalam Malaysia, mahupun pelajar antarabangsa yang berada di luar Malaysia. Namun begitu, keberadaan para pelajar antarabangsa yang jauh di luar Malaysia menyebabkan beberapa aspek perlu diambil kira dalam konteks kesejahteraan mereka sebagai pelajar.

Selain daripada isu jarak geografi dan zon masa yang berbeza, pelajar antarabangsa juga berpotensi untuk berhadapan dengan kekangan di negara asal mereka yang menjelaskan keberkesanan pembelajaran jarak jauh seperti bencana alam, isu kewangan dan persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif (Schleicher 2020). Perbezaan yang telah dinyatakan tadi bukan sahaja berpotensi untuk memberi kesan kepada pelajar dari negara tersebut, malah para pelajar dari negara lain yang berada di lokaliti tersebut turut terjejas (Chirikov & Soria 2020). Oleh itu, kebijakan para pelajar antarabangsa ini daripada sudut kesejahteraan mereka ketika menempuh sesi pembelajaran di lokasi masing-masing seperti kemudahan talian internet serta keselesaan mereka belajar harus diberi perhatian oleh institusi seperti UKM, selaras dengan salah satu komponen khusus universiti, PRIHATIN, di bawah rangka kerja strategik TERAS (Pelan Strategik T.E.R.A.S UKM 2021–2025).

Sebagai sebahagian daripada keluarga besar UKM, keprihatinan terhadap hal-ehwal pelajar antarabangsa di luar negara merupakan antara insiatif dalam langkah pengantarabangsaan yang perlu diambil UKM demi memastikan asas hubungan serta rangkaian pendidikan serantau UKM terus disemarakkan (Yazrina & Dora 2020). Hal ini selaras dengan matlamat umum strategi pengantarabangsaan UKM yang menggariskan usaha ke arah pembinaan hubungan antarabangsa yang cemerlang, pengwujudan dan pemupukan rangkaian akademik serantau dan antarabangsa, serta pemantapan urusan hal ehwal pelajar UKM (Pelan Strategik UKM: Prospektif 2006-2010).

Oleh itu, demi mencapai hasrat tersebut selain terus cakna akan hal ehwal pelajar antarabangsa UKM dalam situasi pascapandemik, perspektif kendiri daripada pelajar amat diperlukan demi mendapatkan gambaran sebenar tentang keadaan mereka ketika di lokaliti masing-masing, terutamanya ketika mengikuti sesi pembelajaran sebagai pelajar UKM.

### Objektif dan Persoalan Kajian

Satu kajian yang berfokus kepada kesejahteraan pelajar antarabangsa UKM di luar negara semasa sesi pembelajaran pascapandemik telah dijalankan. Kajian ini dilaksanakan melalui pendekatan persepsi kendiri, di mana pelajar melakukan penilaian kendiri terhadap tiga aspek kajian seperti yang terkandung dalam tiga objektif kajian berikut:

- i. Meninjau tahap kestabilan internet di lokasi pelajar antarabangsa UKM untuk sesi pembelajaran dalam talian
- ii. Menilai tahap keselesaan pelajar antarabangsa UKM ketika mengikuti pembelajaran dalam talian dari lokasi masing-masing
- iii. Melihat kecenderungan pelajar antarabangsa UKM terhadap lokasi pilihan untuk meneruskan pengajian

Berikut pula merupakan persoalan kajian bagi kajian ini:

PK1 : Bagaimanakah tahap kestabilan internet di lokasi pelajar antarabangsa UKM untuk sesi pembelajaran dalam talian?

PK2 : Sejauh manakah tahap keselesaan pelajar antarabangsa UKM dalam mengikuti pembelajaran dalam talian dari lokasi masing-masing?

PK3 : Apakah kecenderungan pelajar antarabangsa UKM terhadap lokasi pilihan untuk meneruskan pengajian?

### METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan sebagai teknik pengumpulan data. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar antarabangsa di sebuah IPTA (Universiti Kebangsaan Malaysia) yang berbilang peringkat pengajian. Bilangan sampel yang diperoleh dalam kajian ini adalah seramai 348 orang pelajar antarabangsa. Para pelajar ini mengikuti bidang pengajian berbeza di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pemilihan responden melibatkan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus-kursus bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di Pusat Pengajian Citra UKM dalam Semester II bagi sesi pengajian 2021/2022.

Teknik kutipan data adalah melalui penggunaan borang soal selidik. Instrumen soal selidik dipilih untuk mendapatkan maklumat dengan mudah, cepat dan cekap serta membantu dalam menghasilkan data mengenai tingkah laku, sikap, kepercayaan, pendapat dan pengetahuan responden (Etikan & Bala 2017). Instrumen ini dibina dan disesuaikan daripada konstruk serta boleh ubah kajian, hasil daripada kajian kepustakaan serta maklum balas pelajar. Item dalam borang soal-selidik ini disesuaikan berdasarkan objektif dan persoalan kajian.

Kajian dimulakan dengan pengedaran borang soal selidik yang dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan perisian *Google Form*. Tinjauan berdasarkan web dipilih kerana penggunaannya adalah sangat popular dalam penyelidikan masa ini. Di samping itu, pengedaran borang boleh dilakukan secara maya hanya menggunakan pautan yang tersedia dan mampu mencapai jumlah responden yang maksimum dengan cepat dan mudah (King et al. 2018) setelah semua data diperoleh, sesi analisis data dilakukan.

Soal selidik bagi kajian ini terbahagi kepada 3 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A (maklumat diri pelajar) mempunyai 6 soalan yang berfokus kepada maklumat diri pelajar seperti asal serta peringkat pengajian, manakala soalan di bahagian B dan C berfokus kepada aspek kesejahteraan dari aspek sumber dan persekitaran serta kewangan. Secara terperincinya, bahagian B (Kebolehcapaian Internet) pula memiliki 4 komponen iaitu i) sambungan talian internet, ii) kebolehcapaian talian internet, iii) aplikasi telesidang yang sering digunakan serta iv) aplikasi yang disekat di kawasan masing-masing. Komponen i dan ii dalam bahagian ini memerlukan pelajar menyatakan persetujuan terhadap pernyataan-pernyataan yang diberikan melalui empat skala likert iaitu 1-Tidak Setuju, 2-Kurang Setuju, 3-Setuju dan 4-Sangat Setuju. Komponen iii dan iv pula memerlukan pelajar memilih aplikasi-aplikasi berdasarkan keperluan komponen. Bahagian C pula memiliki 3 komponen iaitu i) Aspek Perbelanjaan dan Kewangan Pelajar, ii) Aspek Keselesaan Pembelajaran Pelajar dan iii) Aspek Sistem Sokongan Pelajar. Ketiga-tiga komponen ini juga memerlukan pelajar menyatakan persetujuan dengan pernyataan-pernyataan yang diberikan melalui empat skala iaitu dua skala negatif (1-Tidak Setuju dan 2-Kurang Setuju) serta dua skala positif (3-Setuju dan 4-Sangat Setuju). Dalam kertas kerja ini, tumpuan diberikan kepada analisis pada Bahagian A, komponen i Bahagian B serta komponen ii Bahagian C kerana fokus kertas kerja ini adalah untuk membincangkan tentang tahap kestabilan internet serta aspek keselesaan pembelajaran pelajar.

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membentangkan dan membincangkan dapatan kajian yang berfokus kepada kesejahteraan pelajar antarabangsa UKM di dalam dan luar negara, yang memfokuskan kepada tiga aspek iaitu kestabilan talian internet pelajar, keselesaan pelajar mengikuti sesi pembelajaran dalam talian serta kecenderungan lokasi pilihan pelajar untuk meneruskan sesi pengajian.

**JADUAL 1:** Dapatan Demografi Peserta Kajian

Profil	Keterangan	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	127	36.5
	Perempuan	221	63.5
Umur	Bawah 25 tahun	196	53.5
	26-33 tahun	99	28.4
Peringkat Pengajian	34-40 tahun	35	10.1
	41-47 tahun	16	4.6
Fakulti	48-54 tahun	2	0.6
	Prasiswa	154	44.3
	Sarjana	79	22.7
	Doktor Falsafah	115	33
	Fakulti Ekonomi & Pengurusan	182	52.3
	Fakulti Pengajian Islam	2	0.6
	Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan	74	21.3
	Fakulti Perubatan	1	0.3
	Fakulti Pendidikan	44	12.6
	Fakulti Undang-Undang	3	0.9

	Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina	10	2.9
	Institut Kajian Tenaga Solar	1	0.3
	Fakulti Teknologi & Sains Maklumat	13	3.7
	Fakulti Sains Teknologi	10	2.9
	Fakulti Sains Kesihatan	4	1.1
	Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa	1	0.3
	Institut IR4.0	2	0.6
	Institut Alam Sekitar dan Pembangunan	1	0.3
	Asia Utara	7	2
	Asia Tengah	21	6
	Asia Timur	277	79.6
Asal Pelajar	Asia Barat	11	3.2
	Asia Selatan	10	2.9
	Asia Tenggara	17	4.9
	Afrika	5	1.4
Lokasi Terkini Pelajar	Negara Asal	320	92
	Malaysia	21	6
	Lain-lain	7	2
Jumlah		348	100%

Berdasarkan dapatan demografi dalam Jadual 1 di atas, seramai 221 pelajar perempuan dan 127 pelajar lelaki daripada jumlah keseluruhan 348 responden yang terlibat dalam menjawab soal-selidik. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, seramai 196 orang daripada mereka atau 53.5% berada dalam lingkungan di bawah 25 tahun, manakala hanya dua orang responden sahaja yang berada dalam kumpulan umur 48-54 tahun. Kumpulan umur kedua terbanyak dicatatkan oleh kumpulan 26-33 tahun dengan 99 orang atau 28.4%. Para responden terdiri daripada pelajar daripada tahap pengajian berbeza dengan 44.3% daripada mereka ialah pelajar prasiswazah, 33% pelajar doktor falsafah dan 22.7% ialah pelajar sarjana.

Taburan data fakulti menunjukkan bahawa 348 responden kajian ini daripada fakulti serta bidang pengajian yang pelbagai, dan bukan hanya tertumpu kepada satu bidang atau fakulti sahaja. Nilai tertinggi dicatatkan oleh Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dengan 182 orang atau 52.3% responden, diikuti oleh Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan dengan 74 orang atau 21.3%. Nilai terendah iaitu seorang responden sahaja dicatatkan oleh Fakulti Perubatan, Institut Kajian Tenaga Solar, Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa serta Institut Alam Sekitar dan Pembangunan.

Data yang diperolehi juga menunjukkan lebih 98% para responden merupakan pelajar antarabangsa yang berasal daripada rantau Asia, dengan majoriti 79.7% atau 277 responden berasal dari Asia Timur dengan kebanyakan mereka dari China. Kawasan Asia lain mencatatkan nilai peratusan 6% ke bawah, sementara benua Afrika mencatatkan nilai terendah dengan 1.4% atau 5 orang responden. Catatan data bagi lokasi terkini pelajar memperlihatkan pilihan berada di negara asal pada peratusan tertinggi iaitu 92% atau 320 responden. Sebanyak 21 orang berada di Malaysia dan baki 7 orang lagi berada di negara selain Malaysia yang bukan negara asal mereka.

**Objektif I – Meninjau tahap kestabilan internet di lokasi pelajar antarabangsa UKM untuk sesi pembelajaran dalam talian**

JADUAL 2: Tahap kestabilan talian internet pelajar di lokasi masing-masing

Pernyataan	Lemah	Tidak Stabil	Stabil	Kuat
Pilih tahap kestabilan internet untuk pembelajaran dalam talian di lokasi anda	12 3.4%	15 4.3%	145 41.4%	176 50.6%

JADUAL 3: Tahap kestabilan talian internet pelajar untuk sesi pembelajaran dalam talian

Item	Pernyataan	Sangat Setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju
P1	Saya memiliki talian internet yang stabil untuk sesi kelas dalam talian	236 67.8%	97 27.9%	8 2.3%	7 2.0%
P2	Saya memiliki talian internet yang stabil untuk mencapai bahan pembelajaran di pelantar pembelajaran yang digunakan (cth.: UKMFOLIO, MS Teams, Google Drive)	240 68.9%	92 26.4%	10 2.8%	6 1.7%
P3	Saya memiliki talian internet yang stabil untuk mengendalikan sesi perbincangan dalam talian bersama pensyarah/rakan sekuliah	241 69.2%	93 26.7%	8 2.3%	6 1.7%

Analisis statistik diskriptif yang dijalankan ke atas dapatan soal selidik adalah berdasarkan kepada persoalan kajian berikut:

PK1 : Bagaimanakah tahap kestabilan internet di lokasi pelajar antarabangsa UKM untuk sesi pembelajaran dalam talian?

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis maklum balas responden untuk tahap kestabilan internet di lokasi mereka berada semasa sesi pembelajaran dalam talian di UKM. Tahap internet yang kuat mencatatkan pilihan tertinggi dengan 176 responden atau 50.6%. 145 orang atau 41.4% memilih Stabil sementara baki 27 orang atau 7.7% memilih Tidak Stabil serta Lemah.

Jadual 3 pula menunjukkan hasil analisis maklum balas terhadap pernyataan yang menghubungkaitkan kestabilan internet dalam konteks pembelajaran dalam talian. Bagi aspek kelas dalam talian (P1), nilai tertinggi dicatatkan oleh skala Sangat Setuju dengan 67.8% atau 236 responden. Hanya 15 responden atau 4.3% yang memilih skala negatif iaitu Kurang Setuju dan Tidak Setuju terhadap pernyataan P1. Pernyataan P2 yang menyentuh tentang konteks kebolehcapaian bahan pembelajaran di platform dalam talian memperlihatkan catatan 68.9% atau 240 responden memilih Sangat Setuju sementara nilai terendah dicatatkan oleh Tidak Setuju dengan 1.7% sahaja. Pernyataan ketiga yang menyentuh tentang aspek perbincangan dalam talian mencatatkan jumlah nilai peratusan 96% responden yang memilih Sangat Setuju dan Setuju, sementara hanya 4% memilih skala negatif.

Berdasarkan hasil analisis yang ditunjukkan oleh Jadual 2 dan 3, lebih 90% responden memilih Stabil dan Kuat sebagai tahap kestabilan internet di lokasi mereka berada sekarang, dan jumlah peratusan yang sama juga dicatatkan oleh responden yang memilih skala positif (Sangat Setuju dan Setuju) bagi tiga pernyataan dalam soal-selidik.

Objektif II – Menilai tahap keselesaan pelajar antarabangsa UKM ketika mengikuti pembelajaran dalam talian dari lokasi masing-masing

JADUAL 4: Tahap keselesaan pelajar antarabangsa UKM ketika mengikuti sesi pembelajaran dari lokasi masing-masing

Item	Pernyataan	Sangat Setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju
P1	Di lokasi sekarang, saya dapat belajar dengan tenang tanpa gangguan.	233 66.9%	94 27.0%	15 4.3%	6 1.7%
P2	Di lokasi sekarang, saya tinggal berdekatan dengan rakan sekuliah.	130 37.3%	77 22.1%	96 27.6%	45 12.9%

P3	Lokasi saya berhampiran dengan pusat sumber pembelajaran (perpustakaan, makmal dll).	202 58.0%	83 23.9%	43 12.3%	20 5.7%
P4	Di lokasi sekarang, saya mudah untuk berhubung dengan pensyarah/penyelia	177 50.8%	104 29.9%	37 10.6%	30 8.7%
P5	Di lokasi sekarang, saya dapat fokus 100% kepada pembelajaran saya.	207 59.6%	93 26.7%	34 9.7%	14 4.0
P6	Di lokasi sekarang, semua isu berhubung pengurusan pelajar (daftar dan gugur kursus; isu berkaitan tesis dll) mudah diselesaikan.	207 59.5%	96 27.5%	32 9.3%	13 3.7%
P7	Secara keseluruhan, saya selesa mengikuti pengajian di UKM dari lokasi saya sekarang	187 53.8%	99 28.5%	34 9.7%	28 8.0%

Analisis statistik diskriptif yang dijalankan ke atas dapatan soal selidik adalah berdasarkan kepada persoalan kajian berikut:

PK2 : Sejauh manakah tahap keselesaan pelajar antarabangsa UKM dalam mengikuti pembelajaran dalam talian dari lokasi masing-masing?

Jadual 4 menunjukkan hasil analisis maklum balas responden terhadap pernyataan tahap keselesaan responden sepanjang mengikuti pembelajaran dalam talian di lokasi terkini. Berbanding dengan catatan data dalam Jadual 3 pada bahagian sebelum ini yang merekodkan bilangan responden di bawah 10 orang bagi skala negatif (Kurang Setuju dan Tidak Setuju), Jadual 4 mencatatkan nilai responden sehingga 96 orang bagi dua skala negatif tersebut. Secara keseluruhannya, skala Sangat Setuju menjadi pilihan majoriti responden bagi kesemua pernyataan, dengan nilai tertinggi bagi skala ini dicatatkan oleh P1 iaitu *Di lokasi sekarang, saya dapat belajar dengan tenang tanpa gangguan*. Skala Setuju mencatatkan nilai kedua tertinggi untuk hampir semua pernyataan, kecuali P2 di mana skala Kurang Setuju melebihi nilai bagi skala Setuju. Pernyataan P2 iaitu *Di lokasi sekarang, saya tinggal berdekatan dengan rakan sekuliah juga* juga mencatatkan nilai tertinggi bagi kedua-dua skala negatif dengan 96 responden untuk Kurang Setuju dan 45 orang untuk Tidak Setuju.

Daripada aspek bacaan peratusan, nilai 50% dan ke atas bagi skala Sangat Setuju dicatatkan oleh hampir semua pernyataan, kecuali P2 yang hanya mencatatkan 37.3% sahaja. Skala Setuju mencatatkan nilai 20% dan ke atas untuk semua pernyataan, sekaligus menjadikan catatan nilai melebihi 80% bagi skala positif untuk semua pernyataan, kecuali P2. Perolehan nilai melebihi 10% dicatatkan oleh beberapa pernyataan bagi Kurang Setuju iaitu P2, P3 dan P4, sementera hanya P2 untuk Tidak Setuju.

Berdasarkan hasil analisis yang ditunjukkan oleh Jadual 4, lebih 80% responden memilih Sangat Setuju dan Setuju sebagai skala untuk pernyataan-pernyataan yang menggambarkan keselesaan mereka dalam mengikuti pembelajaran dalam talian dari lokasi terkini.

Objektif III – Melihat kecenderungan pelajar antarabangsa UKM terhadap lokasi pilihan untuk meneruskan pengajian

JADUAL 5: Pilihan lokasi pelajar untuk meneruskan pengajian

Pernyataan	Negara Asal	Malaysia
Anda ingin meneruskan sesi pengajian anda di UKM hingga bergraduasi di:	269 79.1%	71 20.9%

Analisis statistik diskriptif yang dijalankan ke atas dapatan soal selidik adalah berdasarkan kepada persoalan kajian berikut:

PK3 : Apakah kecenderungan pelajar antarabangsa UKM terhadap lokasi pilihan untuk meneruskan pengajian?

Jadual 5 menunjukkan hasil analisis maklum balas responden terhadap pilihan lokasi mereka untuk meneruskan pengajian di UKM sehingga bergraduasi. Sebanyak 269 responden atau 79.1% memilih untuk kekal di negara asal, berbanding 71 responden sahaja atau 20.9% yang memilih berada di Malaysia untuk mengikuti pengajian mereka.

## PERBINCANGAN

Objektif pertama kajian yang ingin meninjau tahap kestabilan internet di lokasi semasa sesi pembelajaran dalam talian mendapat bahawa lebih 90% responden memilih tahap Stabil dan Kuat sebagai tahap kestabilan internet di lokaliti mereka, dan jumlah yang sama memilih skala positif iaitu Sangat Setuju dan Setuju bagi tiga pernyataan yang merujuk kepada kestabilan internet pelajar. Kewujudan talian internet yang baik di lokaliti pelajar memudahkan mereka untuk mengikuti kelas dalam talian (P1), mencapai/mengakses bahan pembelajaran dalam talian (P2) serta mengadakan sesi perbincangan dalam talian bersama rakan sekuliah atau pensyarah yang berada jauh (P3).

Objektif kedua yang ingin menilai tahap keselesaan pelajar ketika mengikuti pembelajaran dalam talian dari lokasi masing-masing mendapat bahawa lebih 80% responden bersetuju dengan pernyataan-pernyataan yang menjurus kepada kesejahteraan pembelajaran pelajar. Namun begitu, keberadaan di lokasi yang berbeza menyebabkan ada antara pelajar yang tidak dapat berhubung dengan rakan sekuliah secara fizikal, seperti dapatan oleh pernyataan P2 yang menunjukkan nilai skala negatif paling tinggi berbanding yang lain. Talian internet yang stabil (seperti dalam dapatan Objektif 1) memberi peluang kepada pelajar untuk memanfaatkan sistem dalam talian seperti emel dan video telesidang untuk berhubung dengan pensyarah dan kakitangan UKM yang lain, seterusnya memberikan justifikasi terhadap perolehan skala positif yang tinggi untuk pernyataan yang melibatkan komunikasi bersama pensyarah/penyelia (P4) dan yang berkaitan pengurusan pelajar (P6). Pernyataan yang berkaitan ketenangan semasa belajar (P1) dan keupayaan untuk fokus (P5) juga memperoleh nilai bagi skala positif antara 86%-93%. Namun begitu, kajian lanjut perlu dijalankan untuk mengetahui sama ada situasi tinggal bersama keluarga atau tinggal bersama rakan atau tinggal sendirian yang berupaya untuk menyumbang kepada nilai peratusan yang tinggi ini.

Objektif ketiga yang ingin melihat kecenderungan pelajar terhadap lokasi untuk meneruskan pengajian mereka di UKM sehingga tamat belajar mendapat bahawa hampir 80% responden memilih untuk kekal berada di negara masing-masing sementara hanya 20% sahaja yang memilih berada di Malaysia. Dalam hal ini, tidak keterlaluan untuk dikatakan bahawa hanya 20% pelajar antarabangsa UKM bersedia untuk kembali kepada mod bersempua dan hadir secara fizikal sementara 80% lagi memilih mod dalam talian. Namun, jika diperhatikan dalam dapatan demografi pada Jadual 1, jumlah responden yang berada di Malaysia hanya 21 orang, sedangkan yang memilih Malaysia ialah 71 orang. Terdapat pertambahan 50 responden yang memilih untuk berada di Malaysia daripada data demografi, selain wujud susutan 58 responden daripada jumlah 327 orang yang berada di lokasi luar Malaysia. Walaupun wujudnya susutan nilai ini, namun pilihan berada di negara asal masih mendahului. Hal ini dapat disokong dengan dapatan objektif 1 yang menyatakan bahawa tahap kestabilan internet pelajar di lokasi mereka adalah kuat dan stabil. Kemudahan talian internet yang stabil menjadi antara faktor utama kepada kelancaran pembelajaran dalam talian, seterusnya menyumbang kepada sesi pembelajaran yang lancar walaupun jauh dari Malaysia.

## KESIMPULAN

Peningkatan jumlah pelajar antarabangsa yang berminat untuk menyambung pengajian mereka ke peringkat lebih tinggi di universiti ini merupakan satu penanda aras baharu terhadap perkembangan ilmu yang menongkah arus perdana dan terus melangkah ke arah pengantarabangsaan ilmu rentas benua. Pandemik yang melanda dunia merupakan salah satu cabaran yang meletakkan universiti ini pada satu tempoh yang amat kritikal dalam usaha mendigitalisasikan isi kandungan pengajaran dalam talian agar pelajar antarabangsa yang berada di negara masing-masing terus berpeluang untuk meneruskan pengajian mereka. Oleh itu, kebijakan pelajar antarabangsa di tengah-tengah situasi pembelajaran dalam talian memerlukan perhatian dan pertimbangan daripada semua pihak yang terlibat seperti fakulti, institusi, dan pusat perkhidmatan untuk memastikan golongan pelajar ini, terutamanya mereka di luar negara, tidak kehilangan perhatian, penjagaan dan sokongan yang sewajarnya.

Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa pelajar berkecenderungan untuk terus menyambung pengajian di negara masing-masing. Namun, beberapa usaha penting harus digembleng untuk membantu pelajar yang mempunyai kesulitan sewaktu mencapai bahan pengajian atau menghadiri kuliah dalam talian walaupun jumlahnya tidak begitu besar. Impaknya walaupun sedikit, tetap akan memberi kesan kepada proses kelancaran pembelajaran mereka. Secara umumnya, para pelajar berpuas hati dengan situasi pembelajaran jarak jauh yang mereka lalui namun isu capaian internet serta kebolehan untuk berinteraksi bersama rakan sekuliah dan pensyarah perlulah ditangani secara berhemah. Proses penambahbaikan ini mampu menjaga kebijakan mereka serta membolehkan mereka mencapai potensi yang tertinggi sebagai seorang pelajar antarabangsa. Situasi ini juga berupaya menarik pelajar antarabangsa yang lain untuk menyertai universiti watan ini kerana kebijakan mereka terbukti dipelihara oleh pihak universiti. Oleh itu, adalah diharapkan bahawa dapatan daripada kajian ini akan dapat memberi penerangan tentang situasi pembelajaran pelajar antarabangsa di luar negara, pilihan mod pembelajaran mereka, dan sokongan yang boleh ditawarkan. Tambahan pula, pelajar adalah salah satu pemegang kepentingan yang penting dalam pembelajaran. Justeru, adalah mustahak agar mereka tidak merasa diabaikan sebagai pelajar tidak kira berada di dalam atau di luar kampus universiti.

## RUJUKAN

- Chirikov, I., & Soria, K. M. 2020. *International Students' Experiences and Concerns During The Pandemic*. SERU Consortium: University of California - Berkeley and University of Minnesota.
- Etikan, I., & Bala, K. 2017. Developing questionnaire base on selection and designing. *Biometrics & Biostatistics International Journal* 5(6): 1–3:
- Jandrić, P. 2020. Deschooling. In M. Peters (Ed.), *Encyclopedia Of Teacher Education*. Singapore: Springer
- King, N., Horrocks, C. & Brooks, J. 2018. *Interviews in Qualitative Research 2nd Edition*. US: Sage Publishing.
- Yazrina Yahya & Doria Abdullah. 2020. The AIMS Impact, 10 Years On: Internationalisation at Home of ASEAN Higher Education Institution. *Akademika* 90 (Isu Khas 2): 151-162
- Plan Strategik UKM: Perspektif 2006-2010*. 2006. Bangi: UKM.
- Pelan Strategik T.E.R.A.S UKM 2021–2025*. 2021. Bangi: Pusat Strategi UKM

Schleicher, Andreas. (2020). *The Impact of COVID-19 on Education: Insights from "Education at a Glance 2020"*: Paris: OECD Publishing.

AMIRUL MUKMININ MOHAMAD  
Pusat Pengajian Citra Universiti,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

NURUL ATIQAH MD. SUHADA\*  
Pusat Pengajian Citra Universiti,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

MOHD HAFISZUDIN MOHD AMIN AMIN  
Pusat Pengajian Citra Universiti,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

SARAH MOHAMAD YUNUS  
Pusat Pengajian Citra Universiti,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang untuk surat menyurat: [atiqahsuhada@ukm.edu.my](mailto:atiqahsuhada@ukm.edu.my)

Received: 27 September 2022 / Accepted: 14 October 2022 / Published: 9 December 2022